

PERSATUAN BELIA (KAMPUNG TEBING TINGGI)

Prepared By:

DAYANG SABRINA BINTI MOHD MOSES (2013168441)

NUR AMIRAH BINTI RADZALI (2013989557)

Bachelor of Information Science (Honos.) Records Management

Faculty of Information Management

UiTM Segamat, Johor

ISI KANDUNGAN

No	Perkara	Muka Surat
1.0	PENGHARGAAN	1
2.0	BIODATA DIRI	2-3
3.0	ABSTRAK	4
4.0	PENGENALAN	5-7
5.0	BIODATA TOKOH	8
6.0	TRANSKRIP	9-41
7.0	RALAT	42
8.0	LOG TEMUBUAL	43-57
9.0	RUMUSAN	58
10.0	SENARAI SOALAN	59-66
11.0	DIARI PENYELIDIK	67-71
12.0	RUJUKAN	72
13.0	LAMPIRAN	73-75
14.0	INDEKS	76-80

1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur Alhamdulillah, berkat rahmat daripada Allah SWT maka transkrip ini berjaya dihasilkan dengan penuh rasa bersyukur tidak terhingga.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada orang-orang yang telah membantu dan menyokong kami sepanjang tugas dijalankan. Kami juga ingin berterima kasih kepada pensyarah kami, iaitu En Zul Azmi Bin Ishak di atas sokongan beliau untuk tugas, bermula dari awal tugas sehingga ke akhir tugas. Terima kasih kerana membimbing kami dari peringkat awal penubuhannya konsep serta melalui nasihat dan galakan yang berterusan sehingga ke hari ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang membantu kami secara langsung ataupun tidak serta menghargai kerja kami dan mendorong kami untuk menyiapkan tugas ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan buat rakan-rakan kami dan ibu bapa kami yang telah membantu kami dalam menyiapkan tugas secara langsung atau tidak langsung. Mereka banyak memberikan idea-idea yang bernas dan bertukar-tukar fikiran, terima kasih memberikan pandangan mereka yang sangat bernas dan membuat kami menyelesaikan tugas ini dengan mudah dan tepat.

Terima kasih.

2.0 BIODATA DIRI

NUR AMIRAH BINTI RADZALI	
NO. MATRIK	2013989557
TARIKH LAHIR	9 MAY 1993
ALAMAT	JKR 4699 2/5 BLOK E, PULAPOL JLN SEMARAK, 54100 KUALA LUMPUR
KELULUSAN	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT PENGURUSAN REKOD
INSTITUSI	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR
NO. TELEFON	013-6462817
EMAIL	nur_amira0905@yahoo.com

**DAYANG SABRINA BINTI MOHD MOSES**

NO. MATRIK	2013168441
TARIKH LAHIR	3 JUN 1993
ALAMAT	L6-5-15, PANGSAPURI PENDEKAR, TAMAN TUN PERAK, CHERAS, 43200 SELANGOR
KELULUSAN	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN MAKLUMAT PENGURUSAN REKOD
INSTITUSI	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, JOHOR
NO. TELEFON	017-3968273
EMAIL	sabrina.moses0@gmail.com

3.0 ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mohd Nizam Bin Ibrahim mengenai Persatuan Belia di Kampung Tebing Tinggi dan pengalaman beliau sebagai pengerusi bagi persatuan ini. Temubual ini dijalankan di Bengkel Bentari Bakti di Universiti Teknologi Mara Johor pada hari Isnin bersamaan 22 Jun 2015 pada jam sepuluh setengah pagi dan berakhir pada dua belas setengah tengahari. Encik Nizam merupakan pengerusi persatuan belia di kampung ini menceritakan aktiviti dan pengalaman beliau semasa terlibat dalam persatuan ini.

Kata Kunci: Belia, Aktiviti, Kampung Tebing Tinggi

SINGKATAN NAMA	NAMA SEBENAR
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
Y.B.	Yang Berhormat
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMNO	United Malays National Organisation
JKK	Jawatan Kuasa Kampung
FELCRA	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority
FA	Football Academy
ADS	Amirah dan Sabrina
MNI	Mohd Nizam Ibrahim

4.0 PENGENALAN

Menurut kementerian belia dan sukan, sejarah penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab mengenai belia. Seterusnya pada tahun 1964 Bahagian kebudayaan ini telah dipindahkan di bawah Kementerian Penerangan. Dalam masa yang sama berikutan kegiatan belia secara berpesatuan yang semakin berkembang, maka bagi tujuan memupuk serta meneraju perkembangan tersebut, Bahagian Belia telah ditubuhkan di bawah kementerian berkenaan. Selain itu, di bawah kementerian Penerangan ini juga telah ditubuhkan Bahagian Sukan.

Kementerian Belia dan Sukan 1964 iaitu bersempena Hari Belia Negara pada tahun tersebut. Pada tahun 1972, Bahagian Kebudayaan telah diwujudkan dan dengan itu nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sehingga tahun 1987 apabila Bahagian Kebudayaan telah dipindahkan dibawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Dengan perpindahan Bahagian Kebudayaan tersebut, nama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah kembali kepada nama asalnya iaitu Kementerian Belia dan Sukan, sehingga sekarang. Berikut merupakan menteri-menteri yang pernah memegang jawatan sebagai menteri belia dan sukan:

Y.T.M. Tunjku Abdul Rahman Putra Al Haj, Perdana Menteri merangkap Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. (1964-1966)

Y.B. Encik Senu bin Abdul Rahman (1966-1968)

Y.B. Dato` Hamzah bin Abu Samah (1969-1973)

Y.B. Dato` Ali bin Haji Ahmad (1973-1978)

Y.B. Dato` Samad bin Idris (1978-1980)

Y.B. Dato` Mokhtar bin Hashim (1980-1983)

Y.B. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (1983-1984)

Y.B. Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud (1984-1986)

Y.B. Dato` Seri Najib bin Tun Haji Abdul Razak (1986-1990)

Y.B. Dato` Annuar bin Haji Musa (1990-1993)

Y.B. Tuan Haji Abdul Ghani bin Othman (1993-1995)

Y.B. Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Yassin (1995-1999)

Y.B. Dato` Hishammuddin Hussein (1999-2004)

Y.B. Dato' Seri Azalina Othman Said (2004-2008)

Y.B. Datuk Ismail Sabri Yaakob (2008-2009)

Y.B. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek (2009-2013)

Y.B. Khairy Jamaluddin Abu Bakar (2013-kini)

Visi Kementerian Belia dan Sukan

- Kea rah mewujudkan masyarakat belia yang memiliki keperibadian yang bersepadu dari segi rohani, akhlah dan jasmaniah, bertanggungjawab, bersemangat sukarela dan patriotik untuk menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran Negara.
- Melahirkan masyarakat yang aktif, sihat dan cergas serta membangunkan atlet sukan berprestasi tinggi hingga ke taraf antarabangsa.

Misi Kementerian Belia dan Sukan

Menyediakan Program Pembangunan Belia dan Sukan supaya dapat member sumbangan terbaik ke arah pembinaan bangsa dan Negara Malaysia yang cemerlang dalam pelbagai bidang. Khususnya bagi:-

- Meningkatkan pembangunan generasi muda kea rah mewarisi dan mengangkat peradaban bangsa dan Negara
- Pembangunan sukan untuk individu dan masyarakat

Strategi kementerian Belia dan Sukan

Strategi Kementerian Belia dan Sukan bagi mencapai objektif tersebut adalah seperti berikut:

1. Memberi penekanan kepada perubahan minda dan sikap ke arah membentuk generasi belia yang bertanggungjawab, dinamik, dan mempunyai daya kepimpinan yang baik melalui pelbagai program yang diadakan di peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa

2. Melengkapkan golongan belia dengan pelbagai latihan dan kemahiran vokasional serta sifat-sifat keusahawanan supaya mereka berdikari melalui kursus secara formal di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
3. Meramalkan bilangan rakyat kea rah peningkatan kualiti hidup melalui strategi Sukan Untuk Semua dan pengenalan kepada konsep Malaysia Cergas
4. Meningkatkan pencapaian sukan kea rah kecemerlangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Kami telah memilih tokoh belia dari kampung Tebing Tinggi. Encik Mohd Nizam merupakan pengerusi Persatuan Belia di Kampung Tebing Tinggi. Beliau telah berkhidmat selama 4 tahun dalam menguruskan Persatuan Belia di Kampung Tebing Tinggi. Pelbagai aktiviti yang telah dilakukan oleh Encik Mohd Nizam bagi melibatkan belia-belia di kampung beliau sendiri agar menyertai aktiviti sukan dan bergaul dengan dunia luar. Beliau merupakan generasi yang ketiga dalam menguruskan persatuan ini.

5.0 BIODATA TOKOH

MOHD NIZAM BIN IBRAHIM	
NO. KAD PENGENALAN	840723-01-6391
TARIKH LAHIR	23 JULAI 1984
UMUR	31 TAHUN
ALAMAT	NO 54, JALAN UTAMA, KAMPUNG TEBING TINGGI, 85000 SEGAMAT JOHOR
NO. TELEFON	0137875898
JANTINA	LELAKI
STATUS	BERKAHWIN
NAMA ISTERI	NURHIDAYAH BT SUFIAN
BIL. ANAK	1 ORANG
NAMA ANAK	NURDHIA DAMIA BT MOHD NIZAM

6.0 TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan dengan Encik Mohd Nizam Bin Ibrahim yang merupakan pengerusi Persatuan Belia dan Sukan di kampung Tebing Tinggi. Rakaman ini telah dijalankan di bengkel Bentari Bakti di UiTM, Johor pada dua puluh dua Jun dua ribu lima belas (22 Jun 2015) jam sepuluh setengah pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Nur Amirah Binti Radzali dan Dayang Sabrina Binti Mohd Moses. Dengan segala hormatnya, kita memulakan rakaman ini.

ADS: Boleh Encik Nizam memperkenalkan diri?

MNI: Nama saya Mohd Nizam Bin Ibrahim. Berasal daripada kampung Tebing Tinggi. Bekerja di UiTM Segamat. Sudah berkahwin. Berumur tiga puluh satu tahun.

ADS: Seterusnya, apakah jawatan yang disandang oleh Encik sekarang ini?

MNI: Jawatan saya sebagai pembantu am rendah di bahagian pengurusan unit fasiliti.

ADS: Soalan seterusnya saya hendak bertanya berkaitan dengan persatuan belia ini, sudah berapa lama Encik Nizam terlibat dengan Persatuan Belia ini?

MNI: Saya sudah terlibat dalam persatuan belia ni, lebih kurang dalam 4 tahun di dalam kampung Tebing Tinggi dan di kawasan Jementah.

ADS: Apakah aktiviti yang selalu dilakukan oleh Persatuan Belia di Kampung Tebing Tinggi ini?

MNI: Aktiviti yang selalu dilakukan di kampung Tebing tinggi adalah seperti bersukan bermain futsal, bola sepak, gotong-royong dan membuat aktiviti-aktiviti amal lah.

ADS: Jadi boleh Encik Nizam ceritakan peranan sebenar sebagai seorang wakil belia ini?

MNI: Peranan sebenarnya, agak berat jugalah kerana setiap aktiviti kita kena kumpulkan belia-belia ni, kena buat satu persiapan yang lengkap la.

ADS: Adakah Encik Nizam memegang sebarang jawatan dalam persatuan belia ini?

MNI: Di dalam persatuan belia kampung, kira saya memegang jawatan kira macam pengerusi lah tetapi di luar saya belum terlampau jauh sangat la untuk memegang jawatan-jawatan yang macam kawasan-kawasan Jementah ke, kawasan Segamat ke, luar dari kampung la.

ADS: Jadi, bagaimana Encik Nizam boleh melibatkan diri di dalam persatuan belia ni?

MNI: Kerana saya - - dorongan kawan-kawan dan ingin membantu kawan-kawan yang lain untuk lebih melibatkan diri dari segi persatuan-persatuan dan contoh seperti sukan untuk mencungkil bakat-bakat diorang [mereka] untuk ketengahkan [diketengahkan] lagi la.

ADS: Jadi, siapa pendorong Encik untuk menyertai persatuan belia ini?

MNI: Pendorong ni, rasanya kawan-kawan jugalah. Kawan-kawan, keluarga --- lebih kepada keluarga lah yang mendorong untuk membantu budak-budak kampung supaya aktif tidak terperuk [terpinggir] jelah [sahaja] macam tu [begitu].

ADS: Persatuan belia ini mendapat sambutan tak daripada penduduk kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Insyaa Allah la, setakat ni persatuan belia ni boleh dikatakan mendapat sambutan la kerana kalau ada apa-apa contohnya seperti sudah dua tahun eh bukan dua tahun la, kiranya sudah dua kali kena banjir besar. Belia-belia ini lah yang membantu untuk mengangkat barang, bersihkan, menganggihkan barang-barang untuk bantuan apa semua.

ADS: Jadi bila nak kumpulkan kesemua belia ini bukanlah perkara yang mudah, jadi bagaimana cara nak mengumpulkan belia-belia di kampung Tebing Tinggi ini?

MNI: Cara pertama kita nak kumpulkan, kita kena keluarkan surat, satu. Lagi satu, kalau kita macam petang tu kita ada aktiviti apa-apa macam kita main bola ke futsal kita akan pelawa la sorang, sorang, sorang [seorang demi seorang]. Esok pun kita akan pelawa lagi, pelawa, pelawa [berterusan menjemput]. Lama-lama diorang [mereka] akan dengar juga la untuk datang ke mesyuarat ke apa ke.

ADS: Jadi, apakah kepuasan yang Encik Nizam peroleh selepas melibatkan diri di dalam persatuan belia ini?

MNI: Kepuasan memang puas la, contohnya kita macam dapat bawak kawan-kawan pergi melaksanakan satu aktiviti-aktiviti contohnya seperti futsal la. Kitaorang kalau belia punya anjuran futsal, saya rasa sudah beberapa kali johan daripada semua satu Segamat la dan pernah mewakili untuk belia ke untuk mewakili belia segamat ke Johor Bharu wakil futsal.

ADS: Jadi kalau ada sebarang masalah yang timbul dalam persatuan ini, bagaimana Encik mengatasi masalah itu?

MNI: Kita akan membuat satu mesyuarat dan membincangkan apa yang masalah yang timbul dan kita akan selesaikan dengan cara yang baik.

ADS: Apa yang saya dapat tahu sekarang ni, Encik Nizam bekerja di UiTM dan dalam masa yang sama Encik menguruskan persatuan belia ini. Jadi bagaimana Encik membahagikan masa bekerja dan persatuan belia ini?

MNI: Membahagikan masa kerja macam kalau saya kerja, kalau macam persatuan belia ini memerlukan saya pada waktu bekerja saya akan tengok la macam mana keadaan dia. Kalau boleh cuti ke. Kalau kata untuk setakat untuk mesyuarat kampung ataupun apa, kita akan lakukan pada waktu malam ataupun tidak mengganggu waktu kerja saya la.

ADS: Adakah ahli keluarga Encik Nizam terlibat juga dalam persatuan belia ni?

MNI: Hmm..ada juga abang saya, adik saya yang terlibat dalam persatuan belia di kampung tebing tinggi ini.

ADS: Selepas melakukan aktiviti bersama semua, apakah kesan yang Encik terima dari *kesemua aktiviti yang dilakukan tu?*

MNI: Kesan dari semua aktiviti, saya rasa berpuas hatilah dengan apa yang dilakukan dan kepada rakan-rakan yang terlibat memberi kerjasama, memang saya berpuas hati dengan apa dilakukanselama empat tahun.

ADS: Dalam persatuan belia ini, bagaimana cara pemilihan ahli-ahlinya?

MNI: Cara pemilihan ahli kita akan membuat daripada segi mesyuarat, dan kita kan membuat lantikan dari segi undian la.

ADS: Jadi, sekiranya macam yang Encik cakap tadi jawatan yang disandang oleh Encik sekarang ni pengerusi, jadi sekiranya Encik meletakkan jawatan sebagai pengerusi, bagaimana pemilihan pengerusi itu akan dipilih?

MNI: Akan dilakukan mesyuarat juga, sebelum dilakukan mesyuarat kita akan timbalan akan menjadi pemangku pengerusi sementara, timbalan pengerusi.

ADS: Seterusnya, apakah tujuan sebenar persatuan belia ini ditubuhkan?

MNI: Tujuan sebenar persatuan ini ditubuhkan di kampung Tebing Tinggi kerana untuk merapatkan silaturahim belia-belia kampung dan menyatukan, belia ini juga menyatukan antara pemuda dan orang-orang tua kerana sekarang pun kita tahu orang-orang tua ni dengan budak-budak muda tak berapa nak akrab kan jadi persatuan belia ini boleh membantu untuk merapatkan hubungan dengan orang-orang lama lah.

ADS: Bagaimana persatuan belia di kampung Tebing Tinggi ini ditubuhkan?

MNI: Dalam persatuan ini ditubuhkan kerana dalam satu daripada satu dun Jementah arahkan setiap kampung menubuhkan satu persatuan belia. Jadi kita akan kumpulkan ahli-ahli dan kita akan buat mesyuarat dan kita akan tubuhkan satu pasukan lah kira persatuan lah.

ADS: Adakah persatuan belia di kampung Tebing Tinggi ni mempunyai visi atau motopersatuan?

MNI: Rasanya belum lagi lah.

ADS: Kebiasannya setiap persatuan mempunyai nama khas dia tersendiri untuk orang-orang kampung kenal persatuan ini, jadi persatuan belia di Kampung Tebing Tinggi ni ada nama yang tersendiri?

MNI: Kita masih pakai nama kampung, mana-mana kita pergi pun kita akan pakai nama kampung.

ADS: Siapakah sasaran Persatuan Belia di kampung Tebing Tinggi ini selain belia di kampung itu sendiri?

MNI: Sasaran persatuan ini, kepada kira kita memberi bantuan kepada orang kampung itu juga lah, terumanya dekat orang kampung juga kita akan beri apa kita dahulukan lah daripada apa-apa aktiviti ataupun bantuan yang diperlukan terutamanya pada orang-orang kampung Tebing tinggi lah.

ADS: Biasanya kalau macam sebarang perbincangan ke nak berbincang pasal masalah apa-apa, adakah disediakan tempat-tempat yang khas?

MNI: Biasanya kita akan menyelesaikan masalah atau membuat mesyuarat di balai raya kampung Tebing Tinggi.

ADS: Biasanya dalam sebulan tu, berapa kali perjumpaan yang akan diadakan?

MNI: Biasa dalam sebulan kita akan buat dalam dua kali.

ADS: Biasanya apakah topik yang selalu menjadi perbualan dalam persatuan belia kampung Tebing Tinggi ini?

MNI: Topik yang selalu kita akan syorkan di dalam mesyuarat adalah ingin membantu belia-belia dan orang kampung yang bermasalah lah, yang ada masalah apa semua kita akan anjurkan kepada yang lebih atas lah. Kita akan bawa perkara tu lebih jauh lah.

ADS: Jadi apa tindakan orang atasan selepas sudah memberitahu masalah yang timbul?

MNI: Biasanya kita belia ni kita akan buat mesyuarat, kita akan bawa perkara ni pergi ke UMNO (United Malays National Organisation) bahagian, jadi dia banyak lapis, banyak lapis [berperingkat] kita tak dapat, lambat la dia punya effect [keputusan] tu lambat untuk kita tahu.

ADS: Biasa tempoh yang diambil untuk menyelesaikan sesuatu masalah tu akan mengambil masa berapa lama?

MNI: Hmm, lama jugalah empat lima bulan baru kita dapat tahu keputusan pasal ia melibatkan banyak persatuan kan.

ADS: Memang kalau setiap kali mesyuarat diadakan, adakah semua ahli akan terlibat?

MNI: Semua ahli akan terlibat ataupun kita akan buat mesyuarat jawatankuasa sahaja ataupun kita akan panggil semua ahli-ahli yang terlibat lah.

ADS: Setakat ni ahli-ahli persatuan belia kampung Tebing Tinggi ni ada berapa ahli dia?

MNI: Ahli lebih kurang dalam – 25 orang pasal persatuan belia ni kalau kita nak tubuhkan ada sembilan orang pun kita dah boleh tubuh pasal Tebing Tinggi ni kampung memang tak berapa besar jadi pemuda-pemuda pun ramai yang dah pergi ke luar bekerja selepas tu jadi kita tak berapa ramai ada orang lah.

ADS: Jadi lingkungan umur untuk menyertai persatuan Belia kampung Tebing Tinggi ni berapa umur dia?

MNI: Umur dia dalam – tiga puluh lima kebawah kalau macam UMNO (United Malays National Organisation) tu pemuda empat puluh kebawah.

ADS: Jadi apakah kriteria yang dipilih untuk menyertai persatuan belia kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Kriteria memilih macam mana?

ADS: Kriteria macam ciri-ciri yang perlu ada dekat individu itu?

MNI: Kita perlu mencari ahli-ahli yang apa kata orang – yang berdedikasi lah, yang senang dibawak berbincang, yang tidak panas baran apa ke, yang senang berkomunikasi sesama sendirilah.

ADS: Biasanya bagaimana cara ahli-ahli ini berkomunikasi, contohnya mungkin ada macam sekarang kita gunakan laman sosial seperti facebook untuk berhubung, jadi persatuan belia Kampung Tebing Tinggi ini menggunakan cara apa untuk berhubung?

MNI: Kita masih guna cara lamalah biasa surat, telefon ataupun mesej.

ADS: Jadi kalau orang luar nak menyatakan masaaalh ke, jadi macam mana cara dia?

MNI: Orang luar macam mana?

ADS: Macam kampung Tebing Tinggi sendirilah, ahli penduduk kampung di situ nak memberitahu ada masaaalah. Macam mana mereka nak berhubung dengan ahli persatuan belia Kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Kalau ada apa-apa masaaalah kita akan berjampalah pasal keadaan pun dekat-dekat rumah apa semua diorang [mereka] akan datang beritahu apa-apa masaaalah lah.

ADS: Jadi bagaimana cara ahli persatuan belia Kampung Tebing Tinggi ni untuk memberitahu aktiviti yang dijalankan supaya orang menyertai aktiviti itu?

MNI: Melalui surat dank ain banner [rentang] ataupun umumkan di masjid masa sembahyang kita akan umumkan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan lah.

ADS: Jadi selalu aktiviti-aktiviti itu akan dijalankan di mana?

MNI: Biasanya akan dijalankan di kampung sajalah [sahaja] kita buat gotong-royong, kita buat aktiviti-aktiviti sukan ke sukaneka ke apa semua, biasanya di kampung lah.

ADS: Biasanya aktiviti itu dia buat setahun sekali ataupun ikut persatuan?

MNI: Tak tentu, ikut pada kita punya masa dan bajet apa semua lah.

ADS: Nilai-nilai yang dapat dipupuk melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan?

MNI: Setiap aktiviti yang dijalankan kita dapat melihat lah – diantara belia-belia dan orang kampung dapatkan satu keakraban [hubungan] yang baiklah.

ADS: Adakah persatuan Belia Kampung Tebing Tinggi ini pernah adakan aktiviti dakwah ataupun ilmiah seperti ceramah ke?

MNI: Ceramah biasa adalah tapi tak selalulah biasa kita kan buat di masjid ceramah agama.

ADS: Jadi macam Encik Nizam katakana sebentar tadi, penduduk kampung Tebing Tinggi ni tidaklah ramai, jadi bagaimana cara ahli persatuan belia kampung Tebing Tinggi ni tarik orang luar supaya mereka menyertai aktiviti yang dilakukan oleh persatuan belia Kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Untuk tarik orang luar menyertai kita buat program la?

ADS: Supaya lebih ramai lagi.

MNI: Daripada segi kita tadilah kita akan buat banner [kain rentang], kita akan mesej kawan-kawan yang dekat luar apa semua supaya ajak ramai-ramai la.

ADS: Adakah penduduk kampung Tebing Tinggi ini member reaksi yang positif dengan persatuan belia ni?

MNI: Setakat ni Insyaa Allah, memang positif lah diorang [mereka] punya pemikiran lah dan boleh menerima lah apa yang ada setakat ni.

ADS: Jadi persatuan belia kampung Tebing Tinggi ni mendapat sambutan tak daripada belia-belia di kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Sekarang dapat sambutan daripada belia-belia (bunyi selakan kertas) pasal belia pun dia fikir sekarang macam ada pun persatuan pemuda jadi diorang [mereka] ni tak ramai pun menarik boleh join [sertai] apa-apa nil ah semua aktiviti ni.

ADS: Adakah aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan belia ini dapat member kesan yang positif kepada golongan belia khususnya?

MNI: Memang boleh memberikan kesan positif kepada belia lah aktiviti-aktiviti yang dilakukan lah.

ADS: Jadi pada pandangan Encik Nizam sendiri bagaimanakah perbezaan belia pada zaman kini dengan zaman dahulu?

MNI: Belia pada zaman dahulu lagi senang diuruskan daripada belia sekarang lah kerana belia dahulu yelah kita pun faham kurang kemudahan diorang [mereka] akan dengar cakap apa semua, sekarang kita boleh ada masalah lah kalau tapi boleh dilakukan lagilah boleh diajar untuk bermesyuarat dan membuat aktiviti.

ADS: Masalah seperti apa yang Encik Nizam maksudkan macam golongan muda sekarang susah untuk diuruskan?

MNI: Yelah diorang [mereka] sekarang macam-macam aktiviti tak macam dulu-dulu kita tak ada internet tak ada apa sekarang diorang [mereka] dah ada internet, kenderaan sendiri pun dah ada, kita dulu tak ada kenderaan sendiri jadi dia punya tu banyak lah aktiviti lain daripada aktiviti kita yang diorang [mereka] akan lakukan.

ADS: Jadi golongan belia di kampung Tebing Tinggi ni dia aktif tak dalam melibatkan diri dalam sebarang program ke atau program luar khususnya?

MNI: Khususnya program luar ada la dalam dua tiga orang tu memang dia aktif dengan belia Segamat ni.

ADS: Ada yang mewakilkan Johor?

MNI: Wakil Johor setakat ni belum la, kalau setakat wakil daerah Segamat ni kita ambil futsal dalam berapa tahun dah, kita akan mewakili Segamat ke peringkat daerah.

ADS: Pada pandangan Encik, adakah persatuan belia seperti ini dapat membentuk para belia pada masa kini?

MNI: Kalau cara pentadbiran dia betul dan apa semua Insyaa Allah kita akan dapat membentuk para belia yang baik lah pada masa kini.

ADS: Sekiranya golongan belia luar daripada kampung Tebing Tinggi ni mempunyai sebarang masalah, adakah mereka boleh berhubung dengan Encik?

MNI: Setakat ni belum pernah ada lagi lah, biasanya kampung-kampung ni dah ada persatuan belia masing-masing. Dia akan uruskan sendiri.

ADS: Jadi adakah persatuan belia kampung Tebing Tinggi ni mempunyai mercu tanda macam contohnya bila sebut je nama persatuan ni orang kenal, lambing dia?

MNI: Biasanya kalau macam persatuan belia Tebing Tinggi ni orang sebut kalau main futsal lah (ketawa) ada banyak pada sukan. Kalau main futsal sebut Tebing Tinggi orang akan tahu lah.

ADS: Pada tahun bila persatuan belia di Kampung Tebing Tinggi ni ditubuhkan?

MNI: Persatuan belia ditubuhkan, saya rasa dalam tahun Sembilan puluh lebih lah saya pun tak berapa ingat pasal masa tu saya pun sekolah lagi kan tak berapa campur dengan belia-belia ni. Cuma saya sudah aktif masa tahun dua ribu lapan (2008), dua ribu tujuh (2007) macam tu lah. Saya aktif belia dekat kampung ni, pada tahun dua ribu sepuluh (2010) ke sebelas (2011) saya memegang jawatan sebagai pengerusilah. Kampung Tebing tinggi ni pun pada mulanya dulu muda-muda ni belia-belia ni ramailah jadi diorang [mereka] buat aktiviti boleh katakan aktiviti yang dulu lagi aktiflah daripada sekarang pasal kita sekarang tidak mencukupi ahli kadang-kadang, tak ramai orang nak buat. Macam dulu semua nak buat dekat kampung senang kita nak lakukan aktiviti apa-apa.

ADS: Ok, jadi Encik Nizam tahu siapa pengasas pertama persatuan belia di Tebing Tinggi ni?

MNI: Pengasas pertama persatuan belia ni – saya pun tak ingat siapa – yang masa saya tahu pun persatuan ni memang dah ada dekat kampung ni – macam saya ni dan kawan-kawan lain cuma menyambung je apa aktiviti dan peranan kampung belia Tebing Tinggi ni.

ADS: Jadi Encik Nizam ni merupakan generasi yang keberapa yang menguruskan Persatuan Belia di kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Rasanya generasi yang ke tiga ke empat macam tu lah.

ADS: Jadi antara ketua-ketua dalam persatuan belia ni, siapa yang telah beri banyak sumbangan dan berjasa dalam persatuan ini?

MNI: Ketua yang banyak beri sumbangan saya rasa dalam tahun – berapa pun saya tak ingat lah tapi dia memang banyak menyumbangkan jasa dan membuat aktiviti-aktiviti yang berkesanlah kepada belia-belia kampung dan – penduduk-penduduk ramai lebih menyukai dia punya pentadbiran lah.

ADS: Apakah matlamat jangka panjang untuk persatuan ni?

MNI: Matlamat jangka panjang untuk persatuan ni, kita inginkan pemuda-pemuda di kampung tidak keluar daripada kampung supaya duduk di kampung kerana sekarang pun kita tengok [lihat] dekat kampung Tebing Tinggi ni pemuda-pemuda memang dah tak ramai lah. Jadi matlamat untuk persatuan ni untuk pemuda-pemuda ini tidak

pergi jauh dan kita akan sentiasa melakukan aktiviti untuk pemuda-pemuda tidak rasa bosan ataupun tak tahu apa-apa aktiviti diorang [mereka] nak lakukan.

ADS: Bagaimana pula untuk matlamat jangka pendek?

MNI: Matlamat jangka pendek, kalau boleh kita hendak ingin melakukan seberapa banyak aktiviti di kampung lah untuk persatuan ini supaya tidak persatuan ini boleh memberi satu impak kepada kampung Tebing Tinggi lah.

ADS: Ok, jadi apa aktiviti yang sering dilakukan dalam persatuan belia ni contoh aktiviti dia?

MNI: Contoh-contoh aktiviti biasanya kita pada majlis perkahwinan orang kampung lah, kita akan membuat – apa kata orang kumpulan untuk memasak, membantu orang-orang lama lah, biasa-biasanya benda ni berangkat, kena larat lah, basuh pinggan, buat air. First [pertama], kita akan gotong-royong mengangkat khemah, kerusi meja memasang apa semua nanti masa habis majlis pun kita akan bukak dan kita akan hantar balik ke tempat penyimpanan barang tu untuk – lagi seperti gotong-royong membersihkan kiri kanan jalan di kampung, membersihkan masjid, balai raya, lagi – aktiviti yang dilakukan biasanya bersukanlah buat aktiviti sukaneka untuk orang kampung, membuat ceramah agama seperti di masjid biasa khamis malam jumaat lah. Itu lah.

ADS: Adakah belia di Kampung Tebing Tinggi ni, dia ada buat macam sebarang jualan untuk peroleh pendapatan sendiri?

MNI: Kalau setakat ni belum lagi lah, belum ada lagi produk yang kitaorang [kami] keluarkan, biasanya kalau produk yang ada pun kita keluar tu persatuan kompong, macam kompong kalau ada orang nak pakai panggil untuk dekat luar kita akan pergi lah bermain kompong untuk majlis perkhawinan.

ADS: Jadi dengan bermain kompong tu ada bayaran juga lah?

MNI: Memang ada bayaran untuk setiap kali kita bermain kompong untuk satu-satu majlis lah. Setakat ni itu jelah yang ada untuk membuat kita punya akaun sikit lah untuk duit persatuan belia ni.

ADS: Ok, jadi semua aktiviti yang dilakukan oleh persatuan belia ni memang secara sukarelawan la ye dan apa aktiviti yang sering dilakukan untuk aktiviti luar ke?

MNI: Biasanya memang kita ni daripada persatuan belia ni kita memang lebih kepada sukarelawan lah. Kita bukannya persatuan yang untuk mendapatkan wang, kita

ADS: Jadi macam kalau nak dapatkan apa-apa sumbangan tu memerlukan apa-apa prosedur?

MNI: Setakat ni, kita perlukan macam yang kita rancang lah untuk membuat aktiviti apa kita akan membuat mesyuarat dengan JKK (Jawatan Kuasa Kampung) semua apa semua, kita akan bentangkan bajet berapa dan kita akan cuba minta peruntukan lah sumbangan. Biasa macam pejabat belia akan sumbang aktiviti jumlah sebanyak ni, jadi kita akan minta sumbangan daripada JKK (Jawatan Kuasa Kampung) kampung, UMNO (United Malays National Organisation) cawangan. Itulah kadang-kadang ada individu-individu yang ingin menderma, ingin sponsor [menaja] kita terima lah.

ADS: Biasanya bajet yang diminta tu, adakah dapat macam yang diperlukan untuk aktiviti?

MNI: Setakat ni Insyaa Allah, semuanya mencukupi lah untuk kita melakukan sesuatu aktiviti, setakat ni belum pernah ada aktiviti yang tak menjadi lah (ketawa) semuanya alhamdulillah menjadi.

ADS: Jadi setakat ni apakah aktiviti yang paling terbesar pernah dijalankan?

MNI: Aktiviti paling terbesar kita pernah lakukan, kita pernah buat satu perlawanan persahabatan bola sepak dengan radio era pada tahun saya pun tak ingat lah bila tapi masa tu bukan saya lah yang meneraju tapi pada tahun berapa tak ingat, kita akan main di kampung Tebing Tinggi lah di pusat latihan FELCRA (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) kampung Tebing tinggi. Kita buat satu perlawanan persahabatan bola sepak antara Tebing Tinggi melawan radio era.

ADS: Jadi ada program yang terdekat bakal diadakan dalam waktu terdekat oleh persatuan Belia kampung ni tak?

MNI: Setakat ni belum lagi, memang ada perancangan untuk bulan puasa ni punya aktiviti mungkin kita akan anjurkan ceramah kea tau membuat bubur lambuk ke untuk sedekah pada satu kampung, tengok lagi belum diutuskan lagi.

ADS: Kebiasannya berapa lama masa yang diambil untuk menganjurkan sesuatu program tu?

MNI: Tengok [lihat] pada aktiviti tersebut lah, kalau aktiviti itu melibatkan orang ramai ataupun peruntukan yang besar, mungkin agak lambat sedikit lah. Kalau macam setakat kita buat ceramah, kita panggil penceramah ataupun apa semua biasa dekat masjid tu semua orang akan datang lah. Macam aktiviti-aktiviti sukan ni kita sukan ke gotong royong ni macam susah sikit lah kita nak mengajak ramai-ramai datang, akan mengambil masa sedikit lah untuk melakukan dia punya aktiviti.

ADS: Adakah persatuan belia ini sentiasa menjalankan aktiviti pada waktu-waktu yang tertentu sahaja?

MNI: Contoh macam mana tu?

ADS: Maksudnya waktu cuti ke?

MNI: Kebiasaannya, persatuan belia ini akan membuat aktiviti pada hari cuti lah tapi biasa macam ceramah agama, kita akan buat malam lah. Malam biasanya tiada masaalah lah pada orang-orang yang bekerja ni lah. Kalau aktiviti macam sukan, gotong-royong kita akan buat pada masa cuti lah supaya diaorang [mereka] senang untuk hadir. Tiada alasan lah untuk diaorang [mereka] kata kerja ke.

ADS: Biasanya kalau cuti umum macam hari guru ke, atau macam bulan lapan (Ogos) yang terdekat ni sambutan hari kemerdekaan, adakah persatuan belia kampung bukit Tinggi ada membuat aktiviti?

MNI: Biasanya, kita jarang buat aktiviti masa cuti-cuti umum ni pasal kadang-kadang diaorang [mereka] ni ada janji nak berjalan dengan keluarga kea pa ke. Kita jarang buat pada cuti umum la. Kita akan buat pada cuti mingguan saja lah.

ADS: Macam kalau hari kemerdekaan kampung Tebing Tinggi tu ada membuat macam pasang bendera ke?

MNI: Pasang bendera kita akan pasang setiap rumah lah. Macam hari raya ni pun, hari itu ada perancangan membuat laman tercantiklah apa kata orang pertandingan laman tercantik dengan pelita tapi kita belum usulkan lagi dalam mesyuarat lah. Baru cadangan lagi, cadangan terbaru lah.

ADS: Kebiasaannya, dalam setahun berapa kerap aktiviti dilakukan?

MNI: Biasa pun dalam setahun kalau macam ceramah agama ni lah, kita dalam tiga bulan sekali biasa ceramah agama. Kalau aktiviti biasa ni yang lain ni dalam setahun tu dua kali ke tiga kali jela. Tak banyak pasal kita tiada sumber kewangan tu kita tiada buat banyak-banyak aktiviti kan. Jadi kita terhad la tapi kata orang tu berbaloi lah.

ADS: Jadi contohnya ceramah tu, adakah penceramah tu memang dari dalam kampung Tebing Tinggi sendiri ataupun penceramah luar?

MNI: Biasa penceramah kita akan panggil luar. Kita akan panggil daripada luar, biasanya khamis malam jumaat tu dia biasa ada yang kita bayar ada yang kita secara

langsung dia sukarelawan jela untuk beri ceramah apa semua. Tengok [lihat] pada ustaz yang kita panggil tu lah.

ADS: Apakah kepentingan aktiviti yang dilakukan ini?

MNI: Pentingnya aktiviti ni supaya – orang luar tengok kampung Tebing Tinggi ni tak adalah macam orang tengok kampung Tebing Tinggi ni kan jauh macam ceruk [tersorok] lah tapi kita aktiviti masih hidup diaorang [mereka] tengok [lihat] kita masih aktif dalam persatuan jadi maknanya kita bercampur dengan masyarakat luar lah, kita tak adalah duduk setempat je [sahaja]. Tak nak porang luar ni pandang kita macam duduk dalam tu diam je [sahaj] tak ada buat apa, jadi kita bercampur juga dengan orang luar. Kita ada aktiviti, ada persatuan apa semua.

ADS: Adakah ahli dalam persatuan belia ini turut beri kerjasama ataupun idea untuk melakukan aktiviti yang akan datang ke?

MNI: Ada juga, nak harapkan saya seorang pun tak boleh juga (ketawa), kadang-kadang idea ramai-ramai juga diaorang [mereka] ada beri pendapat yang boleh kita terima, kita akan terima, yang tak boleh diterima kita tak akan terima lah. Kadang-kadang banyak lah idea tapi kadang-kadang kita melibatkan kos juga. Kadang-kadang idea itu dah baik tapi kita kos tak cukup pun tak boleh iyaq.

ADS: Adakah semua ahli-ahli persatuan belia ni dah bekerjaya ataupun belajar?

MNI: Kebanyakan semuanya sudah bekerjaya lah. Biasa lah diaorang [mereka] ni buat kerja-kerja kampung, adalah kerja-kerja luar sikit dekat Segamat gabunglah ada yang buat kerja sendiri, kadang-kadang kita daripada kawan yang ada kerja sendiri ni lah dia banyak sponsor [menaja]. Kalau kita setakat nak buat aktiviti-aktiviti kecil ok *taka pa aku sponsor kata dia. Buat aktiviti macam ceramah ke apa ke, benda tu tak melibatkan kos yang besar.* Kadang-kadang daripada individu-individu seperti ini lah dia akan sponsor [menaja] lah untuk persatuan. Lagi satu kita sekarang pun tengah sibuk, lagi satu lupa nak cakap, kitaorang [kami] sekarang tengah buat kawalan punya aktiviti malam. Dia pun daripada individu yang sponsor [menaja] lah untuk kita jalankan aktiviti rondaan malam. Pasal sekarang kan banyak kes pecah rumah apa semua dah dalam tiga ke empat bulan lah kita mulakan rondaan ni.

ADS: Sebab ada kes yang baru terjadi ke macam mana?

MNI: Tak ada kes dalam kampung, cuma area-area kes kawasan Jementah ni jela batu 10, batu 11 kena rompak. Macam Tebing Tinggi ni pun payah la nak dengar kes rompak pasal dia jalan mati, dia jalan habis terus sungai dia tak boleh tapi ada juga lah. Kita

kena berhati-hati lah sebab tu kita adakan rondaan. Biasanya dekat kampung Tebing Tinggi tu, diaorang [mereka] mencuri kabel telefon. Itu yang kitaorang [kami] selalu membuat rondaan.

ADS: Adakah persatuan belia ini menyumbang apa-apa kepada Negara ataupun untuk Bandar Segamat ni ke Johor ke?

MNI: Setakat ni belum lagi lah, kalau yang wakil Segamat pun apa semua kita tiba peringkat daerah tu kita dah tak boleh nak pergi jauh lagi dah. Setakat itu jelah yang kami beri pada daerah. Tak boleh pergi jauh lagi dah. Cuma ada seorang kampung belia kita tu, sekarang main bola wakil FA (Football Academy) lah bermain untuk liga Malaysia. Itu dia seorang jela yang nampak boleh pergi jauh.

ADS: Sumbangan terbesar yang pernah persatuan belia di kampung ini lakukan?

MNI: Saya rasa masa banjir tahun dua ribu enam (2006) dan banjir tahun dua ribu sebelas lah, kita buat rondaan rumah ke rumah. Rumah yang kena banjir termasuklah rumah saya pun kena (ketawa), kita buat rondaan tolong mengangkat barang tolong beri bantuan. Itu saya rasa paling terbesar lah. Dalam dua tahun banjir besar, itulah bantuan yang kami beri cukup rasanya untuk orang kampung lah. Itu jelah.

ADS: Antara contoh-contoh bantuan dari segi apa?

MNI: Bantuan tenaga, kita angkat-angkat barang. Kadang-kadang macam bantuan makanan sampai kita kena agihkan rumah ke rumah mana yang kena banjir tu. Macam Tebing Tinggi tu, masa kena banjir tahun dua ribu enam (2006) dengan dua ribu sebelas (2011) kita memang terputus hubungan kita memang tak boleh nak keluar, jadi sebelum bantuan daripada helicopter tu sampai, kita akan ikut jalan dalam pergi Jementah hantar barang, siapa yang nak kirim ke apa ke kita belikan lah tapi jalan dalam tu boleh guna motor je [sahaja]. Kita tak boleh guna kereta tak boleh apa, kita akan kirim lah siapa nak beli apa. Lepas itu dapat bantuan daripada heli [helicopter] turun lepas tu kita akan agihkan ke satu-satu kampung la. Satu-satu kampung terputus makanan kan, kita akan agihkan lah rumah ke rumah supaya diaorang [mereka] senang lah, kadang-kadang ada yang dah berumur dah tak berdaya apa semua kan, kita akan tolong. Itu sahaja lah.

ADS: Dari kejadian tu ada ke rumah yang roboh ke?

MNI: Setakat ni lah belum ada lagi, banjir-banjir yang besar ni lah belum ada rumah yang roboh, belum ada apa cuma masuk air keadaan rumah tu perabot-perabot semua

habis lah kena air, melibatkan kematian belum ada lagi, rumah hanyut pun belum ada lagi.

ADS: Jadi aktiviti yang dilakukan tu seperti pembersihan rumah, surau dan sekolah begitu lah?

MNI: Biasanya lepas banjir kita akan bantu rumah ke rumah membersihkan, kita akan kira macam kita bersihkan lah banjir-banjir, lumpur kita akan tolong bersihkan semua lah, kita tolong angkat barang-barang yang tak boleh pakai buang semua. Itu lah.

ADS: Adakah persatuan belia ini pernah memenangi sebarang anugerah?

MNI: Setakat ni, anugerah daripada luar lah. Setakat ni belum lagi.

ADS: Daripada dalam ada?

MNI: Daripada dalam macam mana maksudnya? Dalam kampung?

ADS: Haa. [betul]

MNI: Biasanya daripada cawangan lah yang beri kita anugerah untuk bantuan banjir, rondaan malam ni, kita akan mendapat penghargaan lah sedikit

ADS: Biasanya dalam persatuan belia rakan muda orang kenal, jadi ada tak berkolaborasi dengan persatuan ni?

MNI: Pernah juga menyertai lah, macam yang event [majlis] dekat Putrajaya tu, kita ada hantar wakil lah untuk pergi semua. Melibatkan diri, kadang-kadang persatuan belia Segamat ada mengarahkan satu kampung berapa orang, berapa orang kita akan hantar lah wakil-wakil. Macam saya kadang-kadang hari kerja saya tak dapat nak pergi saya hantar wakil yang kerja-kerja sendiri ni kan boleh cuti sendiri semua (ketawa).

ADS: Biasanya macam persatuan besar macam Persatuan Belia Muda, semua orang kenal, jadi pernah takberkolab -berkolaborasi dengan persatuan ni? (Gangguan bunyi angin)

MNI: Macam mana?

ADS: Persatuan - Tebing Tinggi nipernahtakmenyertai aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Belia Muda ni?

MNI: Belia Muda Malaysia?

ADS: --- Satu Malaysia.

MNI: Pernah juga menyertai lah. Macam event [acara] dekat Putrajaya tu, belia, kita ada hantar wakil untuk pergi lah apa semua. Melibatkan diri untuk, kadang-kadang daripada Persatuan Belia Segamat akan arahkan lah satu kampung berapa orang berapa orang kita akan hantar lah wakil-wakil. Macam saya kadang-kadang hari kerja saya tak dapat pergi, saya hantar wakil, yang kerja sendiri-sendiri ni kan dia boleh cuti sendiri semua kan.

ADS: Jadi apakah perubahan yang dapat dilihat dengan adanya persatuan ni?

MNI: Saya tengok perubahan dekat kampung tu lah kalau ada persatuan belia ni - sebelum saya pegang jawatan ni lah, ada juga belia tapi mungkin ketua dia tak berapa nak apa kata orang (sambil berfikir). --- Okay la, apa pun okay dengan budak-budak ni (bunyi telefon). Tengok, kita dah la tak ramai tapi masih berpuak-puak puak, sini ada satu puak, sini ada satu puak (sambil menunjukkan isyarat tangan), jadi bila saya dapat buat kan [melakukan] aktiviti atau pun macam rondaan malam, saya tengok banyak pada rondaan malam la. Bila kita buat rondaan malam, masing-masing semua berkumpul satu tempat, kita dah jadi macam *family* [keluarga], macam kuat. Biasa kalau tak buat rondaan, malam karang [nanti] takda [tiada] orang. Macam tak tahu dorang [mereka] ni pergi mana pergi mana. Bila ada rondaan, semua berkumpul dekat [di] situ, duduk, tunggu masing-masing. Jadi kita rasa macam dapat menjalinkan silahurrahim lah, kesan dorang [mereka] untuk melakukan aktiviti ni.

ADS: Apa – pengalaman yang mencabar sepanjang menceburi persatuan ini? Pengalaman encik selama.

MNI: Pengalaman mencabar setakat ni, saya rasa belum ada lagi kot yang mencabar yang betul-betul mencabar lah. – Biasa lah macam buat-buat [melakukan] aktiviti tu pun sebenarnya mencabar juga tapi dengan bantuan orang-orang, kawan-kawan semua, kita boleh laksanakan lah. Tapi yang betul-betul mencabar, belum ada lagi lah. Aktiviti-aktiviti besar betul belum, belum kita ada rasa, belum mencabar lagi lah untuk kita ambil ni la.

ADS: Okay, sekiranya timbul sebarang masalah di dalam persatuan ni, siapakah yang akan dirujuk?

MNI: Kita akan merujuk kepada Persatuan Belia Segamat atau pun kita macam Segamat ni kita ada Dun Jementah, kita ada kawasan kita. Atau pun kita akan pergi ke Belia

Jementah untuk buat rujukan atau pun minta pendapat yang sewajarnya macam mana kita nak menyelesaikan masalah la. Kalau kata bahagian Jementah ni tak boleh nak menyelesaikan masalah, kita akan pergi Belia Segamat punya ni lah, untuk kita bincang apa semua sampai lah dapat persetujuan apa atau pun menyelesaikan masalah kita akan rujuk. (Nada semakin perlahan).

ADS: Okay, apakah masalah yang sering berlaku untuk menggerakkan aktiviti di dalam persatuan ini?

MNI: Masalah yang sering berlaku – kerjasama la kadang-kadang, macam kerjasama orang kampung. Jadi kita nak kena selalu ingatkan pada macam belia-belia ni pun sekarang macam tu jugak, kita kena selalu ingatkan dorang [mereka]. Macam sekarang pun dah ada *group Whatsapp* [medium chat berkumpulan] apa semua kan, jadi kita senang macam kita antara kita ahli ni main pakai group [menggunakan chat berkumpulan] je kan, apa semua. Kena rajin bagitahu lah dorang [mereka] sekarang. Orang-orang kampung pun macam kita melakukan aktiviti, kita akan – jumpa kita akan ajak, jumpa kita akan ajak. Itu je lah.

ADS: Okay, apakah impak dan kesan yang dapat dilihat dengan adanya persatuan Kampung tebing Tinggi ni?

MNI: Impak dan kesan yang dilihat dengan adanya persatuan – (sambil berfikir).

ADS: Maksudnya adakah lebih kepada negatif atau pun positif?

MNI: Setakat ini saya rasa, sepanjang yang saya war-war lah (sambil berfikir), positif, saya rasa positif lah pandangan orang kampung kepada persatuan ni pasal kita [kerana kita] – banyak melakukan aktiviti-aktiviti, yang macam contohnya rondaan lah. Kita memang aktiviti untuk orang kampung, kita takda [tidak ada] minta bayaran macam duit minyak ke. Biasa kan kalau orang buat rondaan ni dia akan minta satu rumah berapa ringgit, berapa ringgit. Tapi kita setakat ni belum ada lagi la, cuma daripada ahli kita tu yang menjadi sponsor, macam beli-beli barang untuk rondaan macam lampu ke, baju, jaket tu semua. Kita akan ronda rumah ke rumah lah. Macam Tebing Tinggi ni kena faham la, rumah dia bukan macam kampung-kampung Bukit Tunggal ni, rumah tersusun. Macam kita rumah jauh sana satu, sini satu. Itu yang kita kena – jarak tu jauh la, memang kena banyak ahli yang menyertai, kita akan buat pecah tiga group atau pun dua *group* [kumpulan] lah. Kita akan pusing, kebun pun kita akan masuk, pasal [kerana] sana pun rajin orang curi-curi getah.

ADS: Macam contoh dekat [di] Kampung Tebing Tinggi tu, saya lihat ada ladang getah. Adakah persatuan-persatuan belia sendiri yang menguruskan atau pun belia-belia dekat kampung tu sendiri?

MNI: Macam getah tu kadang-kadang ada yang orang kampung punya, kadang-kadang ada macam kita dekat Tebing Tinggi ada FELCRA. FELCRA kadang-kadang dia ada kebun dia, jadi macam kadang-kadang orang-orang kampung yang ada getah ni, kadang-kadang ada juga yang daripada anak-anak dorang [mereka] ni yang ahli belia akan mengusahakan la kebun-kebun ni apa ni semua, getah, sawit. Kadang-kadang daripada kita punya ahli ni pun ada yang dipanggil nelayansungai la. Cari-cari ikan, ada jeti dekat sana dekat rumah imam tu kan, ada jeti kan, dekat situ la tangkap ikan.

ADS: Apakah kelainan yang dibawa di dalam Persatuan Belia ini berbanding dengan persatuan-persatuan yang lain atau pun yang sedia ada?

MNI: Kelainan persatuan belia ni, contoh saya ambil, contoh terdekat la belia dengan Pemuda la. Kita sebenarnya konsep dia sama je sebenarnya tapi tinggal Pemuda ni, kita tahu peruntukan dia lebih mewah daripada belia. Dia melibatkan UMNO cawangan, macam kita ni belia kita kurang, kurang apa (sambal berfikir) kurang mendapat sumbangan apa semua. Jadi kita – lain dia belia dengan lain-lain persatuan ni, belia ni dapat mengeratkan lagi silahurrahim lah dengan orang-orang kampung, dengan pemuda-pemuda, dengan orang luar kadang-kadang. Itu je la.

ADS: Okay, adakah ahli dalam Persatuan Belia mendapat apa-apa kelebihan, contohnya elaun ke?

MNI: Setakat ni kalau Persatuan Belia ni kita belum ada elaun atau pun imbuhan ke apa ke, kecuali kalau dia ada masalah apa-apa daripada segi nak buat bantuan contoh macam budak sekolah ke, macam kita ni duduk kampung kadang-kadang daripada ahli-ahli ni tak kerja, kerja sendiri. Kadang-kadang musim hujan, nak menoreh pun tak dapat. Jadi bantuan macam anak-anak nak masuk universitike apa, kita akan cuba buat daripada segi bantuan, buat surat. Kita akan minta pengesahan ketua kampung, pengesahan ketua cawangan ke. Kita akan anjurkan pada yang tertentu lah untuk minta bantuan-bantuan ihsan apa semua la kan. Itu je la.

ADS: Adakah Persatuan Belia menyediakan latihan untuk ahli-ahli dalam persatuan ini?

MNI: Setakat ni memang Persatuan Belia Segamat ada membuat banyak jugak la kursus-kursus apa semua. Tapi setakat ni bila kita tanya yang ada ahli-ahli belia kampung

ni, dorang [mereka] belum belum boleh pergi lagi lah. Kalau macam kursus-kursus yang dianjurkan lah, mungkin masing-masing ada hal masing-masing kan. Kita tak dapat nak nak, kita tak boleh paksa la dorang [mereka] punya ni. Ada dorang [mereka] lakukan kursus-kursus macam kursus, apa dia buat (sambal berfikir). Biasanya belia ni akan buat kursus, apa orang panggil, latihan - latihan apa.

ADS: Kemahiran macam tu?

MNI: Kemahiran. Latihan-latihan macam untuk diri lah, pemantapan diri ke apa ke, dorang [mereka] akan buat la.

ADS: Jadi macam contoh-contoh kursus tu macam mana? Adakah macam menjahit ke, bertukang ke?

MNI: Kemahiran lebih macam menjahit --- menukang macam kalau kursus-kursus yang melibatkan untuk jati diri ni, dia akan buat macam Kursus Belia 4B. Dulu rajin ada Kursus Belia 4B. Biasa pun dorang [mereka] satu Malaysia punya buat pun akan buat dekat Pusat Latihan FELCRA Tebing Tinggi. Dorang [mereka] akan semua, boleh dikatakan tiap-tiap bulan juga la dorang [mereka] akan buat dekat Pusat Latihan FELCRA Tebing Tinggi tu Kursus Belia 4B. Saya dulu pun masa lepas-lepas sekolah pun rajin juga menyertai kursus-kursus tu apa semua tapi sekarang dah takda dah [sudah tiada]. Pastu [selepas itu] kursus tu punsekarang pun dah takda [tiada] dengar lagi dah, Kursus Belia 4B tu.

ADS: Jadi macam kalau kursus-kursus ni adakah macam kalau belia sendiri nak menyertai, dikenakan sebarang bayaran tak?

MNI: Biasanya persatuan akan akan ni lah, bayar kalau ada bayaran la. Persatuan akan bayar, cari la daripada mana-mana sumber kewangan la. Kita akan cuba cari dan cuba hantar. Kadang-kadang ada ada kursus-kursus yang tak memerlukan bayaran atau pun daripada Persatuan Belia Segamat, dia memang dah siap terus suruh hantar wakil saja lah. Dia akan sedia kan orang, kita akan terus hantar pergi la.

ADS: Macam Persatuan Belia ni dekat kampung, dekat Kampung Tebing Tinggi ada tak bawa macam belia-belia dekat Kampung Tebing Tinggi ni untuk pergi sebarang lawatan ke untuk belajar sesuatu yang baru?

MNI: Untuk Tebing Tinggi punya sahaja?

ADS: Ye, saya.

MNI: Setakat ni belum lagi la.

ADS: Belum lagi.

MNI: Belum, belum ada. InsyaAllah la nanti kalau ada perancangan, kita akan buat la lawatan sambil belajar ke, lawatan tempat-tempat orang ke kan tengok kan, kawasan-kawasan orang punya belia kan.

ADS: Macam kraf tangan tu kan?

MNI: Haa. [Ya]

ADS: Okay, adakah persatuan belia ini menyediakan sebarang kemudahan untuk golongan belia diluar sana seperti peralatan sukan ke?

MNI: Biasa kita memang ada peruntukan. Kita akan tiap-tiap tahun dapat peruntukan daripada pejabat Belia, barang-barang sukan. Lagi satu, kalau macam Pemuda pun kita akan dapat peruntukan juga barang-barang sukan ni. Tapi belia pun memang kita boleh mohon, kita akan dapat kalau macam kita aktif bola sepak ke futsal ke, kita akan dapat jersi, bola biasalah. Macam barang-barang biasa je lah. Peruntukan lain pun. Benda ni kadang-kadang ada yang kita tak tahu yang benda tu boleh dimohon. Sebab tu kita kena bercampur dengan kawan-kawan. Dia beritahu la ni boleh mohon, ni boleh mohon, ni boleh mohon. Jadi kita baru tahu, kalau kita setakat duduk je kita pun tak tahu la. Kadang-kadang dia beri info [maklumat] tu la (bunyi pintu).

ADS: Macam contoh peralatan sukan yang kita, yang encik Nizam dapat ni akan disimpan di sesuatu kawasan atau pun di rumah sendiri ke macam mana?

MNI: Haa [Ya], akan akan disimpan di satu tempat la. Biasa kita akan simpan di Balai Raya, biasa macam kalau peralatan tu digunakan hari-hari, kita akan bawa balik la. Tapi kalau macam jersi-jersi, kompiang akan simpan satu tempat la supaya benda tu tak nak bila simpan dekat rumah atau pun simpan masing-masing nanti bila time [masa] nak guna takda [tiada]. Itu yang susah. Jadi kita akan letak dekat satu tempat, bila kita nak pakai baru ambil, kita guna lah untuk mudah kan lagi lah.

ADS: Maknanya kalau macam ahli-ahli, macam belia dekat kampung tu kalau dia nak gunakan, maknanya dia boleh guna terus la?

MNI: Boleh, boleh guna terus. Kalau biasanya kalau melibatkan Program Belia lah tapi kalau macam program lain pun nak pakai kita akan bagi lah. UMNO punya program

apa-apa, kita akan bagi pakai lah. Yang pasal orang yang sama juga yang menggunakannya, bukan orang lain.

ADS: Ohh. Macam kalau gym [gimnasium] ke ada disediakan tak dekat ---?

MNI: Ohh, kampung belum ada lagi. Cuma yang baru ni pun bantuan daripada, permohonan daripada UMNO cawangan lah dapat baru lulus dewan dewan serbaguna untuk kita ni lah, malam boleh aktiviti badminton ke apa ke.

ADS: Macam kalau kelengkapan dekat Kampung Tebing Tinggi tu, adakah orang luar boleh guna juga?

MNI: Haa [Ya], boleh juga. Kalau nak guna, boleh guna tapi setakat ni belum ada benda yang boleh macam Balai Raya tu, biasa macam FELCRA akan guna buat mesyuarat-mesyuarat agung. Jadi dorang [mereka] ada juga la yang guna-gunakan benda dekat kampung.

ADS: Jadi macam pandangan, dari segi pandangan encik Nizam sendiri, adakah wajar kalau sekiranya persatuan belia dekat Kampung Tebing Tinggi ni mengenakan sebarang bayaran kepada orang luar untuk gunakan kemudahan yang terdapat dekat Kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Saya cadangkan sebenarnya memang bagus lah untuk memberi sumbangan, kira bayaran daripada pihak luar yang menyewa ke atau pun apa ke. Tapi setakat ni kalau macam ni lah, kalau Balai Raya ke apa semua tu, (suara ketawa rakan sekerja) biasanya JKK [JawatankuasaKakitangan] kampung lah. Kadang-kadang biasanya dorang [mereka] ni, kenal-kenal kenal apa semua takpa [tidak mengapa] la guna ke apa kan. Tapi setakat ni belia belum, belum ada apa lagi yang orang luar untuk guna lah, untuk sewa ke untuk apa ke. Untuk dewan je la, kalau kata dia orang luar dia nak masuk, mungkin kita akan kenakan bayaran lah.

ADS: Jadi encik Nizam sendiri sebagai pengerusi, bagaimana encik Nizam uruskan, kendalikan ahli-ahli dibawah encik Nizam?

MNI: Kita uruskan daripada segi, kita akan buat mesyuarat satu-satu aktiviti tu. Kita akan buat mesyuarat, kita akan agihkan kerja-kerja masing-masing lah. Kerja ni buat ni, buat ni, buat ni. Jadi kita, jadi kerja tu tersusun. Kita tak pening kepala seorang la. Kalau semua nak pada saya, tak boleh juga (sambil ketawa).

ADS: Jadi bagaimana encik Nizam nak pastikan yang ahli-ahli encik Nizam ni buat kerja yang seperti encik Nizam suruh?

MNI: Kena selalu membuat pantauan la daripada segi apa, kan kena rajin bertanya. Okay kita akan tanya dah siap belum. Kita akan selalu, bukan kata orang bukan push [mendesak] la, kita selalu ingatkan dorang [mereka] supaya kerja tu lebih ni lah, lebih perfect [sempurna] la.

ADS: Jadi macam tak semua ahli akan memberi kerjasama kan?

MNI: Betul.

ADS: Jadi bagaimana encik Nizam sendiri atasi masalah?

MNI: Mana yang susah untuk beri kerjasama tu, kita akan beri lebih perhatian sikit la supaya dia ambil, ambil berat sikit pada tugas yang kita bagipada dia la untuk lakukan sesuatu benda, perkara.

ADS: Sekiranya macam ahli tu dah dah dia dah tak berminat untuk menyertai persatuan belia ni, jadi adakah encik Nizam akan lepas kan macam tu saja atau pun cuba pujuk dia?

MNI: Kita akan cuba pujuk tapi kalau dia tak nak juga. Tapi tengok juga pada keadaan, kalau dia ingin melepaskan jawatan atau ada jawatan atau apa semua, kita akan bawa bincang dulu, buat mesyuarat tanya dulu apa masalah apa semua, ada sakit hati dekat [pada] siapa ke apa semua kan. Kalau dia kata dengan alasan tanggungjawab lain ke apa semua, kita terpaksa lah. Kalau dia kata ada benda macam dalam-dalam ahli ni dia ada tak puas hati, minta dia bincangkan balik apa semua, pulihkan balik lah.

ADS: Jadi adakah persatuan belia ni sudah memadai seperti Kelab Rakan Muda atau pun Program Latihan Khidmat Negara, PLKN?

MNI: Ye lah, saya nak cakap pun, persatuan belia ni belum memadai lagi lah. Pasal [kerana] saya pun ada jawatan dekat dalam Pemuda. Jadi benda ni kita boleh, apa (berfikir) gabungkan, macam program belia kita akan masukkan dekat Pemuda. Macam Program Pemuda kita akan selitkan untuk belia sikit-sikit. Kita akan buat gabungan. Biasanya macam dekat Kampung Tebing Tinggi ni kita ada Pemuda je lah, Pemuda, Belia. Lain persatuan, Rakan Muda ke apa, belum ada lagi lah. Pasal [kerana] persatuan belia ni banyak pada sukarelawan. Macam PLKN ni kita untuk negara, jadi dia pun peruntukan dia tu besar kan. Rakan Muda ni dia aktiviti dia banyak, dia melibatkan apa (fikir), jabatan-jabatan yang besar-besar la jadi dia boleh buat aktiviti-aktiviti yang lebih lagi lah. Itu je.

ADS: Jadi dekat Kampung Tebing Tinggi sendiri, ada tak aktiviti yang menarik macam contohnya mungkin ada jungle tracking [memasuki hutan] ke?

MNI: *Jungle trekking* [merentasi hutan]. Kita buat ke apa?

ADS: Haa [Ya]. Ye.

MNI: Kita anjurkan?

ADS: Haa [Ya].

MNI: Setakat ni belum lagi la buat anjuran macam tu. Kalau macam tempat tu ada, macam dekat pusat latihan tu kita memang ada *jungle trekking* [merentasi hutan], basikal, *bike* [motor] apa semua memang ada, kayak semua ada, kuda pun ada. Tapi tinggal kita belum ada buat anjuran lagi, cuma dulu pun Belia 4B Daerah negeri Johor je la ada buat kursus dekat dalam tu. Tapi sekarang saya pun takda [tiada] dengar lagi pun kursus Belia 4B tu. Mungkin dah kurang kot, pasal [kerana] belia pun sekarang pun dah tak banyak tempat yang ada. Banyak macam dah lebih pada Pemuda yang ambil alih semua persatuan ni.

ADS: Maksud encik Nizam macam kursus Belia 4B ni dah tak aktif macam dulu.

MNI: Tak berapa aktif macam dulu.

ADS: Sebab kan tak mendapat sambutan, macam tu?

MNI: Kemungkinan juga. Kurang sambutan daripada kampung-kampung. Pasal [kerana] kampung pun sekarang dah tak banyak yang ada persatuan belia ni. Jadi macam kita orang [kami] ni pun masih ada lagi nyawa sikit-sikit la yang boleh diteruskan. Kita akan buat gabungan la dengan Pemuda la. Kebanyakan pun ahli-ahli kita orang [kami] pun, banyak yang ahli Pemuda juga.

ADS: Okay, sebagai seorang yang berpengalaman, boleh encik ceritakan bagaimana belia dapat menentukan halatuju mereka dan apa yang perlu menjadi keutamaan mereka sekarang?

MNI: Keutamaan mereka sekarang, kita seberapa banyak boleh la kita akan beri bantuan. Kita akan melakukan aktiviti. Kita akan cuba tolong-tolong orang la, pasal [kerana] kita ni, belia ni sampai umur dah tak boleh dipanggil belia lagi dah. Kita akan keluar pergi tempat lain, akan ada pengganti baru la yang akan menerajui belia ni la. Jadi nya kita, dalam masa kita pegang ni kita kena jaga, kena beri, beri - (sambil berfikir), aktiviti yang baik la. Beri impak yang baik lah pada kampung, pada budak-budak,

rakan-rakan budak muda ni la apa semua untuk lebih berjaya la. Kalau ada aktiviti-aktiviti, kalau boleh kita nak buat lagi banyak la aktiviti supaya dapat merapatkan silahturrahim dengan orang-orang lama ni. Kadang-kadang orang-orang lama ni pun payah juga kita nak cerita dengan dia ni. Dia lagi, ye la orang lama(sambil ketawa), kita kadang-kadang kita layan kan saja la dia punya karenah apa semua.

ADS: Jadi selain daripada encik Nizam rujuk, kalau ada sebarang masalah selain rujuk daripada Persatuan Segamat, ada tak encik Nizam rujuk dekat [pada] macam - khususnya yang macam ahli-ahli yang lain yang dah bersara?

MNI: Ada juga, kadang-kadang kita tanya. Tapi kadang-kadang ada juga yang tak nak beri kerjasama, kita faham la, takpa [tidak mengapa] la kan. Kita cari mana yang okay boleh beri kerjasama, kita akan tanya. Tapi kadang-kadang dorang [mereka] pun, kadang-kadang nak beri sesuatu keputusan tu pun tak boleh pasal [kerana] dulu punya cara dengan sekarang punya cara berbeza. Kalau nak ikut dulu dengan sekarang dah lain dia punya prosedur dia, kadang-kadang kita berubah kan, musim-musim baru. Kita lebih senang tanya pada yang macam pejabat Belia Segamat. Kita lagi dapat keputusan yang lagi tepat la. Tapi setakat masalah-masalah yang kecil-kecil ni dalam persatuan boleh minta pendapat orang-orang lama la.

ADS: Contoh kalau aktiviti yang hendak dijalan, adakah perlu – permission [persetujuan], persetujuan daripada ketua kampung?

MNI: Biasanya kita nak buat sesuatu aktiviti tu, kita akan minta persetujuan daripada ketua kampung la. Kita akan buat surat. Kita akan bentangkan la apa aktiviti kita. Mungkin kita akan buat benda tu dalam mesyuarat juga, kita akan jemput ketua kampung. Kita akan minta izin nak buat ni, buat ni, kalau dia kata boleh, kita akan lakukan la. Kemungkinan juga kita akan bergabung dengan JKK [Jawatankuasa Kakitangan], kita akan bergabung dengan UMNO atau pun apa semua, pasal [sebab] kita nak lakukan sendiri kalau program-program besar ni pun, sakit juga (ketawa). Jadi kita akan buat gabungan belia dengan Pemuda ke, belia dengan JKK [Jawatankuasa Kakitangan] kampung ke, macam gotong-royong biasa kita akan buat gabungan dengan JKK [Jawatankuasa Kakitangan] kampung. Biasa dengan ketua kampung la kita akan inform [beritahu] dekat ketua kampung, kawasan mana, kawasan mana, pukul berapa, pukul berapa kita akan buat untuk kumpulkan orang hari apa. Kita akan bagi kerja la, macam ni mesin rumput, mesin rumput. Menebas-nebas ni sini. Kita akan buat. Pasal [sebab] Tebing Tinggi tu jalan kampung yang dalam sikit tu dia kecil. Jadi kiri kanan tu kebun, jadi dorang [mereka] kena buat sendiri la, kena tebas. Kadang-kadang bukan orang kebun, orang kebun punya tempat, orang lain duduk

luar, tu yang kena ni la kena buat gotong-royong semua (bunyi pintu dibuka). Jalan pun dah penuh rumput semua.

ADS: Jadi macam encik Nizam cakap, macam kalau Persatuan Belia Tebing Tinggi ni kalau lakukan sebarang aktiviti dia memerlukan bajet, jadi kalau dia tak dapat bajet tu adakah aktiviti tu masih diteruskan atau pun dibatalkan?

NMI: Tengok pada keadaan la. Kalau kata tak dapat bajet apa semua, tengok pada rakan-rakan kita yang nak sponsor [sumbangan]. Kalau dorang [mereka] sanggup, kita buat la. Kalau tak sanggup, terpaksa dibatalkan la.

ADS: Selama encik Nizam jadi pengerusi untuk persatuan belia ni, adakah encik nampak ada pengganti yang sesuai untuk menggantikan encik Nizam bila encik Nizam bersara daripada persatuan ini?

NMI: Setakat ni saya tengok ada dua tiga orang la yang boleh mengganti tempat saya la. Dengan kerjasama yang diberi sebelum ni. Kita tengok dia punya, dia punya semangat dia, tengok dia punya kesungguhan dia la kalau kita beri tugas tu dia boleh, boleh uruskan dengan senang la, dengan ---. Benda kalau, benda kalau ikut urutan memang jadi, akan jadi senang la. Tengok ada dua tiga orang yang boleh kita ketengahkan la untuk menjadi pengerusi ke, menjadi setiausaha ke. Mana tahu musim-musim zaman-zaman dorang [mereka] esok ke, dorang [mereka] akan pergi lebih jauh.

ADS: Jadi macam ahli-ahli persatuan belia ni, adakah lelaki sahaja atau pun campur, perempuan pun ada juga?

NMI: Ada juga perempuan. Tapi tinggal Kampung Tebing Tinggi ni, bukan nak cakap apa la, perempuan memang kurang. Macam perempuan-perempuan yangni, dorang [mereka] macam habis belajar apa semua, dorang [mereka] akan semua keluar, yang tinggal pun rasanya ada la dalam tiga empat orang je (sambil ketawa). Yang ramai lelaki la, boleh ada, ada lagi la dekat kampung. Kadang-kadang pun macam saya dulu pun adik-beradik semua keluar, saya fikir nak jaga orang tua, cari kerja sini. Alhamdulillah, rezeki dapat sini je la, ye la belajar pun tak berapa pandai. Tapi rezeki dah dapat dekat sini. Adik-beradik lain memang semua dekat luar.

ADS: Okay, adakah persatuan belia ini akan diteruskan pada masa hadapan?

MNI: InsyaAllah, saya rasa memang, kalau saya la memang nak terus kan tapi kita macam, contoh saya dah habis esok, pengganti saya kalau dia boleh jalankan,

teruskan. Saya harap memang benda ni hendak la diteruskan la masa hadapan pasal [kerana] memang nampak sangat memang memberi impak yang besar. Silahturrahim antara pemuda-pemuda ni macam kita buat rondaan memang, saya tengok memang biasa kalau orang masuk kampung tengok takda [tiada] budak muda pun. Tapi bila malam tengok ramai. Kadang-kadang dorang [mereka] siang kerja kan, orang tengok takda [tiada]. Tapi bila kita tak buat rondaan, malam orang masuk pun, takda [tiada] pun orang dorang [mereka] kata. Bila kita buat rondaan, tengok ramai budak-budak muda ni. Jadi impak dia tu besar la. Macam orang-orang kampung pun saya tengok sekarang, macam ada kenduri ke, kematian ke. Macam kematian, menggali kubur ke apa, banyak lah kita bantu. Macam contoh tahun ni, tahun ni lah daripada bulan satu sampai, ni bulan enam ye?

ADS: Haa [Ya].

NMI: Dah enam orang yang meninggal. Jadi kita banyak la beri bantuan-bantuan macam gali-gali kubur, pasang-pasang khemah. Jadi nampak orang muda dengan orang lama tu jadi macam akrab. Jadi takda [tiada] la macam sebelum-sebelum ni, saya tengok orang lama, orang lama buat. Budak muda, budak muda. Tak nak macam tu la. Tapi tengok sekarang Alhamdulillah la, rasanya saya puas hati la. Ada berapa tahun lagi saya nak terajui ni kan. Tengok, tengok akan datang punya pentadbiran la macam mana. Kalau dorang [mereka] boleh teruskan, Alhamdulillah saya memang suka la. Mungkin saya pun bukan ahli boleh *join* [menyertai] juga macam ronda tu, walaupun saya bukan ahli saya boleh *join* [menyertai] juga.

ADS: Jadi macam encik Nizam cakap, golongan muda pada masa kini dengan golongan tua susah untuk bekerjasama.

NMI: Betul. Betul.

ADS: Jadi adakah inisiatif lain yang encik Nizam boleh utarakan untuk, supaya mereka ni boleh bekerjasama pada masa akan datang?

NMI: Rapat. Bekerjasama la. Cara dia yang saya sebut tadi la, buat gotong-royong. Kena buat selalu la aktiviti. Bila kita buat kurang aktiviti, macam ceramah agama, macam ceramah agama pun pemuda sekarang payah kita nak ajak pergi masjid untuk dengar ceramah atau pun payah [susah]. Tapi cuba la, kadang-kadang macam kita sepuluh orang pun, ada la dalam lima enam orang pun dah okay. Nak semua nak pergi, tak dapat, payah kan. Dorang [mereka] ni kadang-kadang ada hal ada apa. Jadi kita nampakkan diri dia, kalau macam program orang, program kata program

JKK [Jawatankuasa Kakitangan], kita belia ni campur, join [sertai]. Jadi macam program UMNO, kita campur. Jadi bila program kita, orang akan campur, orang akan ikut. Selama ni yang saya tengok, program kampung budak muda tak *follow* [sertai]. Jadi sekarang bila saya teraju lah, semua saya teraju, ajak *join* [sertai] la, campur, campur, campur. Jadi dorang [mereka] pun dengan kita macam senang berurusan la, apa-apa masalah semua senang la. Senang dicerita la dengan orang-orang lama. Kalau dulu payah [susah], memang susah nak cerita dengan dorang [mereka]. Dorang [mereka] ikut, ye la orang lama kita faham la macam mana dia punya ni dari segi dia punya pemikiran, dia fikir masa lama je, sekarang baru dia tak fikir. Itu je la.

ADS: Jadi macam ahli-ahli persatuan belia ni, Kampung Tebing Tinggi ni, usia yang paling muda sekali yang menyertai ni?

MNI: Usia yang paling muda la setakat yang saya ni la - (berfikir), dua puluh ke sembilan belas begitu lah, ada seorang. Dua puluh ke sembilan belas. Ada juga budak-budak sekolah yang campur tapi kita tak galakkan untuk bagi dia jawatan lah, campur dalam aktiviti kita. Kita galakkan kadang-kadang, ibu bapa marah kan budak-budak nak belajar, nak sekolah semua. Jadi kita tak galakkan untuk dia pegang jawatan, Cuma dia akan campur kita punya aktiviti la. Itu je.

ADS: Ahli yang memegang jawatan tu dalam lingkungan umur berapa?

MNI: Sekarang?

ADS: Haa [Ya], sekarang.

MNI: - Tiga, dua puluhan la, dua puluhan. Yang paling tua pun atas saya ada seorang la, tiga puluh dua. Dua orang la, dua orang tiga orang macam tu. Saya nombor dua la, bawah, umur.

ADS: Encik sebagai pengerusi, jadi ada yang lebih tua daripada encik macam mana encik dapat me---?

MNI: Pasal [kerana] kita, pasal [kerana] kita (sambil ketawa), pun setakat umur tua setahun dua, kita dah macam sama umur je. Daripada kecil kita berkawan apa semua, kita dah macam sama umur je. Kadang-kadang pun kita dengan orang tua-tua ni pun, kita dah macam dengan kawan-kawan. Kalau buat-buat macam dia ni pun, terlampau kita nak buat nak ni sangat pun, mana yang jenis orang tua-tua ni yang boleh gurau boleh apa, kita buat macam kawan. Jadi dorang [mereka] pun seronok. Itu je la.

ADS: Okay, sekarang ni berapa jumlah ahli?

MNI: Jumlah ahli belia dekat kampung ada kurang dalam dua puluh lima orang la. Semua sekali. Termasuk la yang masih sekolah ada berapa orang tapi kita akan masukkan dalam ahli la, tapi jawatankuasa takda [tiada] la untuk kita libatkan dorang [mereka], pastu [selepas itu] dorang [mereka] belajar semua.

ADS: Berapa banyak jawatankuasa yang ada dalam persatuan ini?

MNI: Jawatankuasa, macam biasa la. Jawatankuasa pengerusi, penolong pengerusi, setiausaha, bendahari, AJK [Ahli Jawatankuasa]. Biasa AJK [Ahli Jawatankuasa] dalam enam orang. Itu je la. Dia punya yang ahli jawatankuasa betul la.

ADS: Okay, persatuan ni boleh ditubuhkan dengan ahli berapa orang selalunya?

MNI: Persatuan Belia boleh ditubuhkan dengan ahli lebing kurang dalam sembilan orang boleh. Sembilan orang. – Kalau, kalau lagi ramai, lagi bagus la tapi dia tak boleh kurang dari sembilan orang.

ADS: Okay, encik Nizam ada cerita yang berkenaan aktiviti kuda, adakah penduduk kampung sendiri boleh, ada membela kuda tu ke macam mana ke?

MNI: Setakat ni penduduk kampung belum ada bela kuda lagi la, dia bela lembu je (sambil ketawa). Biasa pusat latihan tu dia uruskan kuda la untuk kalau ada aktiviti-aktiviti kursus ke. Biasa tengok macam *student-student* [pelajar-pelajar] UiTM [Universiti Teknologi Mara] ni ramai juga yang buat aktiviti dekat sana la. Berkuda, berkayak apa semua, guna kan peralatan dekat sana la.

ADS: Okay, dimana terletaknya pusat latihan ni?

MNI: Pusat latihan ni terletaknya di FELCRA Tebing Tinggi, masuk dalam sikit la, jauh masuk dalam. Tempat dia – tempat macam tempat kursus la. Ada bilik, ada kayak, ada *flying fox*, ada *jungle trekking* [merentasi hutan], ada *mountain bike* [mendaki gunung menunggang motor], macam-macam lagi lah, berkuda (bunyi pintu dibuka).

ADS: Jadi macam orang luar dia tak tahu sebenarnya lokasi pusat latihan ni. Jadi adakah mudah untuk orang luar ni untuk pergi ke tempat pusat latihan ni?

MNI: Tapi setakat ni banyak juga orang luar yang tahu la pasal pusat latihan ni. Ramai juga yang datang apa semua untuk melakukan aktiviti-aktiviti dekat kampung ni, dekat pusat latihan tu.

ADS: Okay, kalau orang luar nak menyertai aktiviti dalam pusat latihan ni, ada sebarang prosedur perlu dilakukan ke, contoh kena buat kertas kerja ke?

MNI: Kalau macam dorang [mereka] ingin buat kursus ke apa ke, dorang [mereka] akan buat kertas kerja la. Tapi kalau setakat pergi menggunakan peralatan-peralatan seperti *flying, flying fox* ke kayak ke apa ke untuk dorang [mereka] pergi, akan pergi ke pejabat dia la untuk membuat tempahan ke apa ke, dorang [mereka] akan menggunakan cara macam tu lah.

ADS: Dan ada bayaran la untuk setiap macam aktiviti yang dorang [mereka] nak main ke?

MNI: Rasanya ada juga la sikit bayaran tapi *amount* [jumlah] nya saya tak tahu la berapa, berapa banyak yang dikenakan lah.

ADS: Okay, jika pengerusi yang akan datang dalam persatuan belia ni, contohnya pengganti encik Nizam. Kalau dorang [mereka] nak merujuk kepada encik Nizam tentang aktiviti yang dorang [mereka] nak lakukan, adakah encik Nizam boleh beri kerjasama?

MNI: Rasanya, InsyaAllah boleh lah untuk beri kerjasama atau pun beri, memberi idea dan pendapat yang bernas untuk generasi-generasi yang baru la. Kita akan cuba dan – untuk menunjuk ajar yang baru-baru nak buat aktiviti, kita boleh cuba beri pendapat.

ADS: Macam encik Nizam sendiri nak latih ahli-ahli tu, adakah mengambil masa yang lama untuk latih orang ahli baru untuk masuk ke dalam Persatuan Belia Kampung Tebing Tinggi ni?

MNI: Biasanya kita takda [tiada] buat latihan ke apa-apa ke. Kita, contoh macam kita buat aktiviti, dia akan *follow* [ikut], dia akan ikut. Jadi masing-masing akan tahu sendiri macam kita beri tugas pun dia akan tahu tugas dia apa. Kalau dia tak tahu, dia tanya la. Tanya benda yang dia tak tahu, jadi lama-lama dia akan pandai, akan pandai akan tahu semua la benda yang diarahkan lah untuk dibuat.

ADS: Okay, sekarang encik Nizam sudah mempunyai anak, jadi berapa umur anak encik Nizam yang paling tua sekarang?

MNI: Anak. Anak saya memang seorang tu je lah. Baru tiga tahun (sambil ketawa).

ADS: Ohh. Okay, adakah encik berhasrat untuk melibatkan anak encik dalam persatuan ini bila dia dah besar nanti?

MNI: Saya rasa kalau dia tak kemana la, kalau duduk kampung mungkin saya akan suruh dia libatkan diri lah. Tapi masalahnya anak saya ni perempuan. Ahli belia ni tak ramai perempuan (ketawa) dekat [di] kampung tu. Itu je la.

ADS: Okay seperti yang encik katakan tadi tentang pusat latihan, adakah sebarang kemudahan di dalam pusat latihan tu macam contohnya tempat penginapan ke disediakan?

MNI: Dekat [di] dalam tu, pusat latihan tu dia macam-macam, dia biasa sebelum ni la dia akan membuat tempat untuk kursus. Biasa banyak dulu Belia 4B, sekolah-sekolah macam ada buat motivasi ke apa, jabatan-jabatan kerajaan, belia-belia swasta apa semua, dia rajin buat kursus dekat [di] sana la. Ada bilik, bilik penginapan macam yang lain-lain tu la. Kelengkapan-kelengkapan sukan apa semua, semua ada la untuk digunakan dekat [di] sana. Ada untuk berkhemah, perkhemahan pun ada. Yang bilik, bilik. Yang khemah, khemah pun boleh duduk juga.

ADS: Jadi macam, ada macam daripada sekolah-sekolah ke yang menyertai dekat [di] pusat latihan ni?

MNI: Sekolah?

ADS: Ha'a [Ya].

MNI: Sekolah ramai juga. Banyak juga sekolah yang membuat kursus. Biasa dorang [mereka] buat kursus motivasi untuk SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] ke, PMR [Penilaian Menengah Rendah] ke, UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah] ke, memang banyak la, *camping* [perkhemahan], macam-macam la.

ADS: Okay, contoh kalau yang aktiviti macam perkahwinan ke, adakah macam ada dewan tertentu dekat [di] Kampung Tebing Tinggi ni atau pun mereka akan lakukan di kawasan perumahan mereka sahaja?

MNI: Biasa dorang [mereka] akan lakukan di rumah je lah. Ada pun dekat Balai Raya la kalau ada. Biasa, kebanyakan dorang [mereka] akan buat dekat rumah. Dan pusat latihan tu pun pernah juga dorang [mereka] buat untuk majlis perkahwinan, dorang [mereka] sewakan. Siap, siapmasakan apa semua, penginapan semua situ la.

ADS: Jadi ada dewan juga la di pusat latihan tu?

MNI: Ada. Dewan yang besar takda [tiada] la. Tapi dia buat dekat [di] macam tengah-tengah kawasan ke kawasan tengah ke. Dia takda [tiada] dewan yang besar.

ADS: Biasa yang kalau ada majlis-majlis tertentu macam contoh kenduri kahwin ke, adakah yang macam masak ke orang-orang muda atau pun campur dengan golongan?

MNI: Masak biasanya kita campur la membantu orang-orang lama ni untuk masak. Biasa kita kampung masih gotong-royong lagi. Ada setengah-setengah tu pakai catering la tapi kita kebanyakan banyak menggunakan gotong royong lagi la, masak menggunakan orang kampung lagi la. Jadi kita ni pun muda, belia ni membantu dorang [mereka] untuk masak apa semua.

ADS: Jadi memang setiap macam perkahwinan itu memang persatuan belia akan terlibat atau pun ada se--- beberapa je?

MNI: Kita sebenarnya memang semua terlibat la. Kalau ada perkahwinan ke apa, kita akan terlibat. Macam, macam kita akan buat gotong-royong untuk kerja kahwin ni. Malam biasa dorang [mereka] akan membuat mesyuarat untuk majlis. Kita pun belia-belia ni akan masuk la dan akan diagihkan tugas, tugas, tugas masing-masing la untuk dilaksanakan masa hari majlis tu.

ADS: Okay adakah orang luar boleh menyertai persatuan ini?

MNI: - Menyertai persatuan, rasanya kalau persatuan peringkat daerah mungkin boleh tapi kalau macam kampung punya ni orang luar tak boleh masuk kecuali kalau dia betul-betul tinggal dekat [di] kampung tu, macam cikgu-cikgu ni kan ke siapa ke. Dia boleh la tapi kalau untuk menyertai kita punya aktiviti yang aktiviti kita tu memang kita anjurkan untuk orang luar, melibatkan orang luar, dia boleh sertai lah. Contoh biasa kalau kita buat aktiviti yang melibatkan orang luar ni, kita akan buat panggilan jemputan la, biasa jemputan la macam aktiviti sukan kita jemputan Belia Jementah, Belia Bukit Tunggal ke, Belia Gemereh ke macam tu. Kita akan buat macam tu la. Atas, atas panggilan la, jemputan la.

ADS: Okay seperti tadi encik Nizam ada kata ada pertanian getah, ada tak usaha pertanian lain atau pun perternakan yang dilakukan oleh persatuan belia sendiri?

MNI: Dekat [di] kampung tu ada la, dorang [mereka] buat ternak kambing, lembu. Itu ada daripada dua tiga orang la belia yang buat projek tu la. Setakat ni tengok, Alhamdulillah la, okay la dia punya, dia punya aktiviti dia tu (bunyi kunci jatuh) berjalan dengan baik la.

ADS: Adakah hasil daripada dia punya pertanian tu dijual ke luar?

MNI: Haa [Ya]. Biasa dia akan jual ke luar la. Ramai mana yang luar-luar tu, macam biasa kambing la. Dorang [mereka] nak buat kenduri ke apa, dorang [mereka] akan datang beli lembu. Macam getah biasa memang kita akan jual luar la. Getah dengan pengusaha getah la, kita akan jual.

ADS: Jadi duit yang akan dapat tu akan dimasukkan dalam tabung persatuan ni la?

MNI: Tak, tak. Itu dorang [mereka] punya.

ADS: Sendiri?

MNI: *Personal* [Sendiri] la.







ADS: Oh.

MNI: Tu, tu saya cakap kalau dorang [mereka] ni yang ada projek-projek sendiri ni, dorang akan *sponsor* [bantu] kalau ada apa-apa *event* [acara]. Dia akan *sponsor* [bantu] la.

Terima kasih diucapkan kepada encik Nizam diatas kerjasama yang diberikan. Berakhirnya soalan sebentar tadi, maka berakhir la wawancara ini pada pukul sebelas dua puluh tujuh pagi (11.27 pagi) yang bertempat di Bengkel Bentari Bakti di UiTM Johor pada 22 Jun 2015. Semoga Persatuan Belia Kampung Tebing Tinggi akan terus maju dari semasa ke semasa dan akan menjadi salah satu persatuan yang berjaya mencipta nama untuk Kampung Tebing Tinggi dan juga negara.

7.0 RALAT

Keseluruhan proses temubual bersama Encik Mohd Nizam Bin Ibrahim berjalan dengan lancar. Pihak yang ditemubual member sepenuh kerjasama dan tidak lokek untuk berkongsi apa-apa pengetahuan yang dimiliki. Apabila ditanya, tokoh semakin bersemangat untuk menceritakan segala pengetahuan yang dimiliki oleh beliau. Kerjasama daripada pihak lain yang turut membantu dalam mendokumentasikan sejarah lisan seperti pensyarah, Encik Zul Azmi Bin Ishak begitu membantu dalam memperbaiki serta menyiapkan transkrip ini serta meningkatkan mutu transkrip ini. Tambahan pula, perkongsian maklumat melalui temubual ringkas bersama pengerusi Persatuan Belia Kampung Tebing tinggi, iaitu Encik NMohd Nizam Bin Ibrahim sendiri banyak membantu kami dalam memperkenalkan dan membawa kami sendiri meninjau ke kampung Tebing Tinggi dan melihat sendiri keadaan kampung yang aman damai itu. Kerjasama penduduk kampung juga sangat memuaskan hati. Selain itu, kerjasama rakan-rakan seperjuangan juga begitu memuaskan meskipun mereka sendiri mempunyai banyak halangan dan sibuk menyiapkan tugas masing-masing. Namun begitu, disebalik pelbagai bantuan yang diberikan, masih terdapat beberapa kekurangan yang tidak dapat dielak terutama semasa sesi temubual bersama tokoh dijalankan. Antara gangguan tersebut ialah:

-  Bunyi radio
-  Bunyi mesin
-  Bunyi telefon berdering
-  Bunyi rakan sekerja tokoh berbual
-  Bunyi pintu dibuka dan tutup
-  Bunyi selakan kertas

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya rakaman temubual bersama tokoh boleh didengar dengan jelas dan hasil rakaman agak berkualiti kerana suara penemuramah dan yang ditemuramah jelas kedengaran. Segala input-input yang disampaikan oleh Encik Mohd Nizam bin Ibrahim kepada kami boleh didengar dan difahami dengan mudah walaupun terdapat sedikit gangguan seperti yang disenaraikan.

8.0 LOG TEMUBUAL

Minit	Perkara	Kata Kunci
00:01:06	Pengenalan diri - 31 tahun - 23/07/1984	- Mohd Nizam Bin Ibrahim - Kampung Tebing Tinggi
00:01:23	Pekerjaan - Pembantu am rendah di unit pengurusan fasiliti	- Unit fasiliti
00:01:48	Pengalaman persatuan Belia - 4 tahun - Kawasan Jementah dan kampung Tebing Tinggi	- Jementah
00:02:13	Aktiviti yang dilakukan - Bersukan - Melakukan aktiviti amal	- Bola sepak - Futsal
00:02:31	Peranan sebenar ahli persatuan belia - Persiapan lengkap - <i>Kumpulkan ahli</i>	
00:03:00	Jawatan yang disandang dalam persatuan kampung Tebing Tinggi - Pengerusi	
00:03:27	Tujuan penglibatan dalam Persatuan belia - Dorongan keluarga - Membantu rakan-rakan - Mencungkil bakat	
00:03:50	Pendorong menyertai persatuan Belia - Keluarga - Rakan-rakan	
00:04:24	Sambutan orang kampung Tebing Tinggi terhadap persatuan belia - <i>Mengalakkan</i>	- Banjir besar - Penganggihan barang
00:04:59	Cara kumpulkan ahli - Keluarkan surat	

	- Melalui aktiviti harian seperti bermain bola	
00:05:37	Kepuasan melibatkan diri dalam persatuan belia - Berpuas hati	- Johan - Segamat - Futsal - Johor Bharu
00:05:54	Cara atasi masalah dalam persatuan - Adakan mesyuarat - Berbincang	
00:06:27	Pembahagian masa antara kerja dan persatuan belia - Sekiranya ada sebarang masalah penting ambil cuti	
00:06:37	Penglibatan ahli keluarga - Abang - Adik	
00:07:12	Kesan selepas melakukan aktiviti - Berpuas hati - Kerjasama tinggi	- 4 Tahun
00:07:26	Cara pemilihan ahli persatuan - Mesyuarat - Undian	
00:07:51	Cara pemilihan pengerusi persatuan - Mesyuarat	- Timbalan - Pemangku sementara
00:08:31	Tujuan sebenar persatuan ini ditubuhkan - Merapatkan hubungan	- Orang-orang tua
00:09:15	Bagaimana persatuan ditubuhkan - Arahan orang atasan - Mesyuarat	- Adun Jementah
00:09:27	Moto atau visi persatuan - Tiada	
00:09:46	Nama khas persatuan - Persatuan belia Tebing Tinggi	

- 00:10:19** Sasaran utama selain belia di kampung Tebing Tinggi
- Orang-orang kampung
- 00:10:39** Tempat perbincangan
- Balai Raya kampung Tebing Tinggi
- 00:10:50** Berapa kerap perjumpaan dalam sebulan
- Dua kali
- 00:11:13** Topik yang sering diutarakan
- Memberi bantuan kepada penduduk kampung Tebing Tinggi
 - Orang atasan
- 00:11:40** Tindak balas orang atasan sekiranya ada sebarang masalah
- Tindak balas lambat
 - UMNO [United Malays National Organisation] bahagian
- 00:11:56** Tempoh tindak balas dari orang atasan
- Empat ke lima bulan
- 00:12:14** Penglibatan ahli
- Semua akan terlibat
 - Jawatankuasa
- 00:12:42** Jumlah ahli persatuan
- 25 orang
 - Minimum 9 orang
- 00:13:03** Lingkungan umur menyertai persatuan belia
- 35 dan kebawah
 - UMNO [United Malays National Organisation] Pemuda
- 00:13:38** Kriteria untuk menyertai persatuan belia kampung Tebing Tinggi
- Berdedikasi
 - Senang berkomunikasi
 - Tidak panas baran
- 00:14:02** Cara ahli persatuan berhubung
- Surat
 - Telefon
 - Pesanan ringkas
 - Facebook

00:14:27	Cara orang kampung berhubung dengan ahli persatuan - Berjumpa	- Berdekatan
00:14:51	Cara memberitahu aktiviti kepada orang luar - Surat - Kain rentang - Umumkan di masjid	
00:15:09	Lokasi aktiviti - Kampung Tebing Tinggi	- Gotong-royong - Sukaneka
00:15:21	Kekerapan mengadakan aktiviti - Tidak menentu	- Masa - Bajet kewangan
00:15:44	Nilai-nilai diperoleh selepas melakukan aktiviti - Mengeratkan hubungan	- Belia-belia - Orang tua
00:16:02	Aktiviti dakwah atau ilmiah - Ada	- Ceramah agama - Masjid
00:16:39	Cara ahli persatuan menarik orang luar untuk sertai aktiviti - Kain rentang - Pesanan ringkas	
00:16:56	Reaksi positif dari orang kampung - Penerimaan yang positif	
00:17:19	Sambutan dari belia kampung Tebing Tinggi - Mendapat sambutan	- Bilangan
00:17:38	Memberi kesan positif kepada golongan belia - Memang benar	
00:18:12	Perbezaan belia sekarang dan dahulu - Belia dahulu lebih mudah diurus	- Kemudahan
00:18:40	<i>Punca golongan muda sekrang susah diurus</i> - Pelbagai kemudahan	- <i>Internet</i> - Kenderaan sendiri
